PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
*Intellectual Property Corporation Malaysia*

# LAPORAN TAHUNAN 2012
## Annual Report






## Rasional Kulit

Gabungan kiub rubik berwarna merah dan putih serta kiub-kiub kecil menggambarkan daya minda yang menjana idea-idea kreatif yang menyumbang kepada penghasilan harta intelek.

Bebola kecil pula mewakili enam komponen harta intelek yang ditadbir urus di bawah sistem harta intelek di Malaysia.

Pecahan kiub-kiub kecil juga menunjukkan usaha berterusan MyIPO dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dirancang bagi mencapai visinya menjadi sebuah organisasi harta intelek yang terbaik.

## *Cover Rational*

*The combination of red and white rubic cube as well as small cubes potrays mind ability in generating creative ideas which contribute to the creation of intellectual property.*

*The spheres represents six components of intellectual property that governed under intellectual property system in Malaysia.*

*The fraction of cubes also shows MyIPO's continuous efforts in implementing the initiatives that been set out in realizing its vision to become a leading intellectual property organisation.*

**© Hakcipta Terpelihara, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) 2012**
***© All rights reserved, Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) 2012***

**Disunting oleh / *Edited by* :**
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
*Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)*
Unit 1-7, Ground Floor, Menara UOA Bangsar,
No. 5 Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur.

# Kandungan

# *Contents*


| | | |
|---|---|---|
| Perutusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan | 8 | *Foreword of Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism* |
| Perutusan Pengerusi | 11 | *Chairman's Message* |
| Perutusan Ketua Pengarah | 15 | *Director General's Message* |
| Anggota Perbadanan | 20 | *Members of Corporation* |
| Kumpulan Pengurusan | 26 | *Management Team* |
| Sorotan 2012 | 30 | *2012 Highlights* |
| Prestasi Harta Intelek | 40 | *Intellectual Property Performance* |
| Pejabat Cawangan MyIPO | 66 | *MyIPO Branch Offices* |
| Kerjasama Serantau dan Antarabangsa | 74 | *Regional and Global Co-operation* |
| Sumber Manusia dan Teknologi | 92 | *Human Resources and Technology* |
| Pembudayaan Harta Intelek | 100 | *Intellectual Property Acculturation* |
| Akauntabiliti, Kawalan Dalaman dan Pengurusan Kualiti | 116 | *Accountability, Internal Control and Quality Management* |
| Prestasi Kewangan | 118 | *Financial Performance* |
| Perancangan 2013 | 130 | *2013 Plans* |
| Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012 | 134 | *Financial Statement For The Year Ended 31 December 2012* |

# Visi / *Vision*

Menjadi salah sebuah organisasi harta intelek terbaik.
*To be one of the leading intellectual property organisations.*

# Misi / *Mission*

Menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang cekap ke arah meningkatkan kreativiti dan eksploitasi harta intelek.
*Providing strong legal infrastructure and effective administration regime to enhance greater creativity and exploitation of intellectual property.*

LAGU RASMI

*OFFICIAL SONG*

# BERSAMA MyIPO

*Verse 1*
*Paten Idea Baru Ciptaan*
*Perlindungan Kami Berikan*
*Juga Cap Dagangan Hakcipta*
*Dikenali Di Seluruh Dunia*

*Verse 2*
*Kreatif Serta Yang Asli*
*Reka Bentuk Pemaju Industri*
*Masyhur Seantero Negeri*
*Petunjuk Geografi*

*Chorus 1*
*Kami Sedia Membantu, Di MyIPO*
*Melindung Harta Intelek*
*Pemudah Pendaftaran, Ciptaan*
*Efisien Dan Juga Mesra*

*Bridge*
*Meletakkan Negara Malaysia*
*Setanding Dengan Negara Yang Maju*
*Menjamin Semua Perlindungan*
*Hak Harta Intelek*

*Chorus 2*
*Kami Sedia Membantu, Di MyIPO*
*Melindung Harta Intelek*
*Bersikap Profesional, Sedia*
*Dalam Segala Tindakan*

*Repeat*
*Verse 1, Verse 2*
*Chorus 1, Chorus 2*

*Kami Sedia Membantu, Di MyIPO*

*Komposer / Composer : Dato' Wah Idris*
*Lirik Oleh / Lyrics By : MyIPO*

# Perutusan
# *Messages*



# PERUTUSAN MENTERI
## *Minister's Foreword*



Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) atas pencapaiannya sepanjang tahun 2012 dalam mengukuhkan lagi sistem perlindungan harta intelek di Malaysia. Komitmen yang telah diberikan oleh MyIPO adalah sejajar dengan usaha Kerajaan dalam menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) melalui inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan.

Bagi merealisasikan transformasi kepada sistem perlindungan harta intelek yang lebih efektif, Kerajaan telah memberi fokus kepada pindaan perundangan harta intelek, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan inisiatif baru yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Dalam menyediakan persekitaran harta intelek yang kondusif, Kerajaan telah meluluskan Akta Hak Cipta (Pindaan) 2012 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2012 dan telah menggubal Peraturan-Peraturan Hak Cipta baru yang memberi manfaat kepada pencipta dan pengkarya tanah air. Susulan dari pindaan Akta ini dan aktiviti penguatkuasaan yang berterusan, *United States Trade Representative (USTR) Annual "Special 301" Report* telah mengeluarkan Malaysia daripada senarai negara-negara dalam pemerhatian bagi isu perlanggaran hak harta intelek pada 30 April 2012. Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012 juga telah dikuatkuasakan pada 15 Februari 2012 sebagai usaha penambahbaikan sistem pendaftaran sedia ada. Pindaan tersebut seterusnya dapat membantu penguatkuasaan yang lebih berkesan dan memastikan ianya konsisten dengan perkembangan terkini dan standard antarabangsa. Saya berharap dengan usaha ini dapat meningkatkan keyakinan pemilik untuk melindungi harta intelek mereka di samping menggalakkan budaya inovasi dan kreatif di kalangan masyarakat di negara ini.

Dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Kerajaan memberi sokongan padu kepada usaha MyIPO untuk memperkenalkan Sistem Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela bagi memenuhi keperluan industri kreatif negara. Sistem ini yang berperanan sebagai pangkalan data karya hak cipta nasional dapat membantu pemilik hak cipta dalam membuktikan keempunyaan sesebuah karya berhakcipta. Di samping itu, Jurnal Rasmi Harta Intelek juga diperkenalkan bagi memudahkan orang awam mengakses maklumat pewartaan dan penerbitan harta intelek secara atas talian. Kedua-dua sistem ini telah mula beroperasi pada Jun 2012.

Kerajaan amat prihatin terhadap keperluan industri kecil dan sederhana (IKS) untuk memajukan perniagaan mereka melalui pengkomersialan harta intelek. Menerusi pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012, Kerajaan telah mengumumkan Model Penilaian Harta Intelek sebagai inisiatif baru bagi membenarkan harta

*I would like to express my sincere gratitude to Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) for its 2012 achievements in improving the IP protection system in Malaysia. The commitments shown by MyIPO were in line with the Government's efforts in supporting the Economic Transformation Programmes (ETP) and Government Transformation Programmes (GTP) by the initiatives that have been carried out.*

*In realizing the transformation towards a more effective intellectual property protection system, the Government has focused on the amendment of IP laws, the improvement of service delivery and the initiation of new efforts that benefit the people and the country.*

*In providing a conducive IP environment, the Government has passed the recent amendments to the Copyright (Amendment) Act 2012 that came into effect on 1 March 2012 and legislated the Copyright Regulations that would be beneficial for the local creators and authors. Following the amendment of this Act and ongoing enforcement activities, on 30 April 2012 the United States Trade Representative (USTR) Annual "Special 301" Report has removed Malaysia from the list of countries with IP infringement issue. Industrial Designs Regulations (Amendment) 2012 have come into effect on 15 February 2012 to further improve the existing IP registration system. The amendments could further assist in a more effective enforcement and to ensure that we are in consistency with the latest developments and international standards. It is my hope that with this endeavour, copyright owners are more confident in protecting their IP rights locally with MyIPO and that the public is encouraged to foster an innovative and creative attitude.*

*In improving its service delivery system, MyIPO has the full support of the Government in introducing Copyright Voluntary Notification System to fulfil the needs of the local creative industry. This system serves as a database for information relating to local copyright works and is helpful to prove copyright ownership. In addition, IP Official Journal is introduced to facilitate the public to access information on IP advertisements and publications via an online system. Both systems has come into operation in June 2012.*

*The Government pays great attention to the small and medium enterprises (SME) that requires assistance to develop their business by way of IP commercialization. Through the 2013 Budget tabled on 28 September 2012, the Government has announced an IP Valuation model as a new initiative to allow commercial valuation of IPs that*

intelek dinilai secara komersial dan seterusnya digunakan sebagai cagaran bagi memperolehi pembiayaan dari institusi kewangan. Sebagai langkah permulaan, sekumpulan penilai harta intelek tempatan akan diwujudkan dan Kerajaan telah menyediakan peruntukan dana kepada MyIPO bagi mengendalikan program latihan serta mewujudkan platform pasaran harta intelek yang akan dilaksanakan pada 2013.

*can be used as a collateral to gain loans from financial institutions. As a first step, a group of local IP valuers will be trained and the Government has allocated a sum of fund for MyIPO to carry out the training programme. In addition, MyIPO will also create a platform for IP market that will be implemented in 2013.*

Sambutan Hari Harta Intelek Negara yang telah diadakan pada 26 April 2012 di Kuantan, Pahang dengan tema “Harta Intelek Pemacu Transformasi”. Inisiatif ini adalah selaras dengan agenda Kerajaan untuk menganjak nilai rantaian (value chain) ekonomi ke tahap yang lebih tinggi melalui pembudayaan inovasi di setiap lapisan masyarakat. Dengan sambutan ini juga, Kerajaan mengiktiraf pereka cipta, pencipta serta organisasi tempatan melalui Anugerah Harta Intelek Negara atas sumbangan harta intelek mereka dalam kemajuan ekonomi dan sosio-budaya negara.

*The National Intellectual Property Day celebration was held on 26 April 2012 in Kuantan, Pahang, with the theme “Intellectual Property Driving Transformation”. This initiative is in line with the Government’s agenda to shift the economy value chain to a higher level through innovative culture at each level of society. In this celebration, the Government recognizes inventors, innovators and local organisations through the National Intellectual Property Award for their contributions of their IP in economic and socio-cultural development of the nation.*

Pada tahun 2012 ini juga, Malaysia telah menyertai dua triti antarabangsa iaitu *WIPO Copyright Treaty (WCT)* dan *WIPO Performances and Phonograms Treaty (WPPT)* yang mula berkuatkuasa di Malaysia pada 27 Disember 2012. Inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan untuk memastikan perlindungan yang lebih berkesan ke atas karya hakcipta dalam persekitaran digital. Kedua-dua triti ini menyediakan asas perundangan bagi perdagangan elektronik dan seterusnya menggalakkan industri hak cipta negara, menarik pelaburan serta melindungi hasil kreativiti tempatan.

*Malaysia has also joined two international treaties, namely the WIPO Copyright Treaty (WCT) and the WIPO Performances and Phonograms Treaty (WPPT), which came into force in Malaysia on 27 December 2012. This initiative is the Government’s effort to ensure a more effective protection of copyright works in the digital environment. Both of these treaties provide the legal basis for electronic commerce and further spur the local copyright industry, attract investments and protect local creative products.*

Semoga semua pihak yang terlibat dapat meneruskan usaha dalam menyokong agenda Kerajaan menjadikan harta intelek sebagai sumber kekayaan baru dan pemangkin kepada kemajuan ekonomi negara. Saya percaya, dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh MyIPO dalam memperkasakan hak harta intelek, Malaysia mampu mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

*I hope that all involved parties will continue their efforts in support of the Government’s agenda to make IP as a source of new wealth and a catalyst for economic progress. I believe, with these efforts undertaken by MyIPO in strengthening IP rights, Malaysia is able to achieve the status of developed nation by 2020.*



**YB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

*Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism*

# PERUTUSAN PENGERUSI
## *CHAIRMAN'S MESSAGE*



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, saya diberi kesempatan untuk mewakili Anggota Perbadanan bagi merakamkan perutusan dan membentangkan Laporan Tahunan MyIPO 2012.

Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atas kepimpinan jitu beliau dalam memastikan MyIPO kekal sebagai sebuah organisasi yang cemerlang. Saya juga dengan berbesar hati menyampaikan ucapan terima kasih dan tahniah kepada warga kerja MyIPO yang komited dalam menjalankan tugas dengan penuh integriti sehingga berjaya melaksanakan setiap program dan aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2012.

KEDUDUKAN KEWANGAN 2012

Pada 2012, MyIPO telah mencatat jumlah hasil sebanyak RM71.21 juta dengan peningkatan sebanyak 15.8% (2011:RM61.48 juta). Jumlah hasil tersebut merangkumi hasil operasi sejumlah RM66.45 juta peningkatan sebanyak 16.2% (2011:RM57.17 juta) dan pendapatan operasi lain berjumlah RM4.76 juta peningkatan sebanyak 10.4% (2011:RM4.31 juta). Peningkatan pendapatan 2012 adalah didorong dengan pertambahan jumlah permohonan dan kenaikan 30% fi Reka Bentuk Perindustrian.

Hasil operasi dari ibu pejabat terdiri daripada paten RM20.64 juta, cap dagangan RM39.5 juta, reka bentuk perindustrian RM3.91 juta, petunjuk geografi RM1,780 dan hak cipta sebanyak RM31,445. Manakala, hasil operasi dari pejabat-pejabat cawangan adalah sebanyak RM2.36 juta. Ini menjadikan jumlah hasil operasi ibu pejabat dan pejabat-pejabat cawangan adalah sebanyak RM66.45 juta.

PENCAPAIAN 2012

Pada 2012, sejumlah 40,992 permohonan harta intelek telah diterima dengan peningkatan sebanyak 10% (2011:37,270). Bagi paten, 7,027 permohonan telah diterima dengan peningkatan 7.1% (2011:6,559). Cap dagangan pula telah menerima 31,876 permohonan dengan peningkatan 10.6% (2011:28,833). Bagi reka bentuk perindustrian, 2,082 permohonan telah diterima dengan peningkatan 11.3% (2011:1,871). Manakala bagi petunjuk geografi, sebanyak 7 permohonan telah diterima (2011:7). MyIPO juga telah menerima sebanyak 402 pemfailan Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela yang diperkenalkan bermula Jun 2012.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.*

*My utmost gratitude to Allah SWT for with His grace, I am given the opportunity to represent the Members of the Corporation to record a message and present MyIPO's 2012 Annual Report.*

*My heartfelt appreciation and thanks to YB Dato 'Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism on his solid leadership to ensure MyIPO remains as an outstanding organisation. I am also pleased to extend my thanks and congratulations to the staff of MyIPO who were committed to their work to successfully implement each programme and activity planned throughout 2012.*

*FINANCIAL POSITION 2012*

*In 2012, MyIPO posted a total revenue of RM71.21 million, an increase of 15.8% (2011:RM61.48 million). This total income covers total operating revenue of RM66.45 million, an increase of 16.2% (2011:RM57.17 million) and other operating revenue of RM4.76 million an increase of 10.4% (2011:RM4.31 million). The income growth in 2012 was driven by the increasing number of applications and 30% increase in Industrial Designs fees.*

*Operating revenue from head office consists of RM20.64 million from patents, RM39.5 million from trade marks, RM3.91 million from industrial designs, RM1,780 from geographical indications and RM31,445 from copyrights. Meanwhile, operating revenue of other branch offices is RM2.36 million. This brings the total operating revenue of the head office and other branch offices to a sum of RM66.45 million.*

*2012 ACHIEVEMENTS*

*In 2012, a total of 40,992 IP applications were received, an increase of 10% (2011:37,270). 7,027 patents applications were received, an increase of 7.1% (2011:6,559). 31,876 trade marks applications were received, an increase of 10.6% (2011:28,833). 2,082 industrial designs applications were received, an increase of 11.3% (2011:1,871) while for geographical indications, 7 applications were received (2011:7). MyIPO also received 402 filings of Copyright Voluntary Notification which was introduced in June 2012.*

Bagi pendaftaran harta intelek pula, sejumlah 30,503 telah didaftarkan dengan peningkatan 9.5% (2011:27,860). Daripada jumlah pendaftaran tersebut, 2,501 adalah pemberian geran paten dengan peningkatan 4.6% (2011:2,392), manakala pendaftaran cap dagangan pula adalah sebanyak 26,076 peningkatan 9.5% (2011: 23,819). Bagi reka bentuk perindustrian, 1,924 permohonan telah didaftarkan, dengan peningkatan 17.2% (2011:1,641) dan bagi petunjuk geografi pula, 2 permohonan telah didaftarkan dengan penurunan 75% (2011:8).

*A total of 30,503 IP registrations were recorded, an increase of 9.5% (2011:27,860). From the total registrations, 2,501 were granted patents, an increase of 4.6% (2011:2,392) and 26,076 were trade marks registrations, an increase of 9.5% (2011: 23,819). For industrial designs, 1,924 applications were registered, an increase of 17.2% (2011:1,641) and for geographical indications, 2 applications were registered, a decrease of 75% (2011:8).*

Susulan dari pindaan Akta Hak Cipta, tiga peraturan baru telah digubal iaitu Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Badan Pelesenan) 2012 yang mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2012 serta Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Tribunal Hak Cipta) 2012 yang mula berkuatkuasa pada 1 September 2012. Rang Undang-Undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012 telah diluluskan oleh Parlimen pada 20 Disember 2012. Ia memfokuskan kepada pelanjutan tempoh perlindungan, penzahiran kebaharuan (*novelty*) diperluaskan ke seluruh dunia dan pengenalan Jurnal Rasmi Harta Intelek.

*Following the amendment to the Copyright Act, three new regulations have been enacted: the Copyright (Voluntary Notification) Regulations 2012 and the Copyright (Licensing Body) Regulations 2012 which came into force on 1 June 2012 and the Copyright (Copyright Tribunal) Regulations 2012 which came into force on 1 September 2012. Industrial Designs (Amendment) 2012 was passed by the Parliament on 20 December 2012. It focused on the extension of period of protection, novelty disclosure is widened to worldwide novelty and introduction of IP Official Journal.*

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan perlindungan harta intelek, MyIPO telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan di seluruh Malaysia. Sejumlah 153 program telah berjaya dilaksanakan sepanjang 2012 dengan 79 program yang dilaksanakan oleh ibu pejabat dan 74 program oleh cawangan-cawangan MyIPO.

*In an effort to increase public awareness of the importance of intellectual property protection, MyIPO has implemented various programmes on an ongoing basis throughout Malaysia. A total of 153 programmes were successfully implemented in 2012, with 79 programmes initiated by the head office and 74 programmes by the branch offices.*

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)*

MyIPO melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai usaha berterusan untuk mendekati masyarakat melalui pendekatan yang seimbang bagi memupuk budaya prihatin di kalangan warga kerja MyIPO. Sepanjang 2012, pelbagai aktiviti bermanfaat telah dilaksanakan antaranya Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 2012 yang mana MyIPO telah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan penggiat seni veteran. MyIPO turut memberi sumbangan untuk Majlis Korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha. Selain itu, MyIPO juga menganjurkan Program Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara yang bertempat di Pusat Latihan Harta Intelek. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kerja MyIPO dan juga orang awam.

*MyIPO implements Corporate Social Responsibility (CSR) as a continuous effort to reach out to the community through a balanced approach to foster a caring culture in MyIPO employees. Throughout 2012, various activities have been carried out, for example Majlis Berbuka Puasa and Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 2012, where MyIPO has donated to orphans and veteran artistes. MyIPO has also contributed to the Majlis Korban in celebration of Hari Raya Aidiladha. Additionally, MyIPO also organized a blood donation drive, which was held in the Intellectual Property Training Center, in cooperation with National Blood Centre. This programme received an encouraging response from MyIPO employees and the public.*

## PENGHARGAAN

Saya amat berbangga dengan hasil usaha dan semangat berpasukan warga MyIPO yang telah menjalankan tugas dengan penuh integriti dan profesionalisme bagi menyampaikan perkhidmatan yang efisien kepada klien dan *stakeholders*. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Anggota-Anggota Perbadanan, pihak pengurusan MyIPO, media dan semua pihak yang memberikan kerjasama dan sokongan kepada MyIPO bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk tahun 2012.

Akhir kata, saya optimis MyIPO akan terus maju dalam usahanya untuk menjadi antara organisasi harta intelek yang terbaik di dunia.

Sekian, terima kasih.

## *APPRECIATION*

*I am very proud of the effort and teamwork displayed by MyIPO staff who has discharged their duties with integrity and professionalism to deliver an efficient service to clients and stakeholders. I would also like to thank the Members of the Corporation, the management of MyIPO, the media and all other parties for their cooperation and support for MyIPO in achieving the targets set out for 2012.*

*Finally, I am optimistic that MyIPO will progress in its efforts to become one of the best IP organizations in the world.*

*Thank you.*



**YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail**
Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia
*Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia*

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH
## *DIRECTOR GENERAL'S MESSAGE*



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Prestasi pada tahun 2012 menunjukkan satu perkembangan positif kepada MyIPO dalam penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan harta intelek di negara ini.

MyIPO telah melancarkan perkhidmatan baru iaitu Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela sebagai usaha penambahbaikan kepada sistem perlindungan hak cipta di Malaysia yang akan menyokong industri kreatif negara. MyIPO juga telah membangunkan sistem pewartaan harta intelek secara atas talian yang dikenali sebagai sistem Jurnal Rasmi Harta Intelek yang telah dibuka kepada pengguna untuk membuat carian dan melihat senarai permohonan yang telah diwartakan. Selain itu, MyIPO telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2008 untuk pemeriksaan dipercepatkan bagi paten dan cap dagangan pada Mac 2012. Pensijilan ini merupakan pengiktirafan kepada usaha MyIPO dalam menyediakan sistem penyampaian pendaftaran yang lebih tersusun dan memenuhi kehendak klien.

Bagi mendukung peranan MyIPO sebagai sebuah agensi yang mentadbir urus pendaftaran harta intelek di Malaysia, MyIPO dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah merangka pelan strategik ICT bagi tempoh lima tahun (2013-2017). Pelan Strategik ICT (PSICT) Perbadanan Harta Intelek Malaysia menggariskan empat teras strategik yang dijangka memberi impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan agensi. Selain itu, laman web MyIPO juga telah diiktiraf sebagai laman web bertaraf lima bintang dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)* 2012. Ini membuktikan komitmen MyIPO dalam memastikan informasi disampaikan secara efektif kepada masyarakat umum.

Sepanjang 2012, MyIPO telah mempergiat kempen kesedaran mengenai kepentingan perlindungan harta intelek di seluruh negara dengan kerjasama pelbagai pihak kerajaan negeri, agensi kerajaan, institusi pendidikan, badan-badan bukan kerajaan, dewan-dewan perniagaan dan pengamal harta intelek. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti seminar, bengkel dan latihan mengenai harta intelek, pameran, temu ramah di televisyen dan radio serta sisipan akhbar. Manakala di peringkat antarabangsa, MyIPO telah menyertai beberapa pameran luar negara di China, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu. Penglibatan di peringkat antarabangsa ini memberi pendedahan dan pengalaman baru kepada MyIPO untuk mempromosi perkhidmatannya dalam rangkaian harta intelek global.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and Salam 1Malaysia.*

*Performance in 2012 has shown a positive development for MyIPO in improving the delivery system of IP services in the country.*

*MyIPO has launched two new services, which include Copyright Voluntary Notification System as an effort to improve copyright protection system in Malaysia that supports the local creative industry. MyIPO has also developed an online system of IP gazette, known as Intellectual Property Official Journal that has been opened to users to search and view a list of applications that have been gazetted. MyIPO has also been awarded the MS ISO 9001:2008 certification for expedited examination of patents and trade marks in March 2012. This certification is an acknowledgment of MyIPO's effort in providing a more organized delivery registration system that meets the client's needs.*

*In supporting the role of MyIPO as an agency which is responsible in administering IP in Malaysia, MyIPO in collaboration with Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) has laid down a 5-year ICT strategic plan (2013-2017). The MyIPO ICT Strategic Plan (PSICT) has outlined four strategic thrusts that are anticipated to give impact to the agency's service delivery system. Besides that, MyIPO's website was also recognized as a 5-star website in the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2012. This indeed has reflected MyIPO's commitment in ensuring information is disseminated effectively to the public.*

*During 2012, MyIPO has intensified awareness campaigns nationwide on the importance of IP protection in collaboration with various organisations including state governments, government agencies, educational institutions, non-governmental bodies, chambers of commerce and IP practitioners. Among the programmes that have been implemented are seminars, workshops and trainings on intellectual property, exhibitions, television and radio interviews as well as newspaper inserts. On the international front, MyIPO has participated in several exhibitions abroad in China, Indonesia and United Arab Emirates. This international involvement provides exposure and new experience to MyIPO in promoting its services in the global IP network.*

Modal insan merupakan aset penting bagi sesebuah organisasi. Menyedari hakikat ini, MyIPO telah mewujudkan sistem saraan baru bagi menggantikan sistem saraan terdahulu. Sistem yang lebih kompetitif ini dikenali sebagai Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI). Sistem saraan ini menawarkan skim perkhidmatan yang lebih baik dari segi perjawatan dan kemajuan kerjaya untuk semua warga kerja MyIPO. Selain itu, Dana Pembiayaan Pendidikan MyIPO telah diperkenalkan dalam usaha menggalakkan warga MyIPO menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya dapat menyumbang kepakaran kepada organisasi. Dana ini memberi peluang kepada warga MyIPO untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas masing-masing. Di samping itu, program-program pembangunan modal insan dilaksanakan secara berterusan melalui latihan bina upaya dan *teambuilding* bagi melengkapkan warga kerja MyIPO bukan sahaja berkemahiran malah mempunyai jati diri yang positif ke arah melahirkan warga kerja yang berintegriti.

*Human capital is an important asset for an organisation. Realizing this nature, MyIPO has developed a new remuneration system to replace the former system. The more competitive system is known as Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI). This system offers a better service scheme in terms of employment and career advancement. In addition, the MyIPO Education Fund has been introduced in a bid to encourage MyIPO staff to further their studies and later contribute their expertise to the organisation. This fund provides opportunities for MyIPO staff to expand their knowledge and proficiency in each of their work field. At the same time, continuous human capital development programmes were carried out through capacity building trainings and teambuilding exercises to further equip MyIPO staff with positive virtues in nurturing a skilled workforce with integrity.*

MyIPO yakin, pendekatan yang diambil ini mampu meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan ke arah kecemerlangan organisasi. Sehubungan itu, saya ingin melahirkan rasa kesyukuran atas pencapaian MyIPO sepanjang 2012 dan berterima kasih kepada semua klien, *stakeholders*, warga MyIPO dan komuniti harta intelek. Kejayaan MyIPO dalam merealisasikan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang adalah hasil kerjasama dan sokongan padu yang telah diberikan oleh semua pihak.

*MyIPO is confident that this approach can improve the effectiveness of the delivery system towards organisational excellence. Therefore, I would like to express my gratitude for MyIPO's achievements throughout 2012 and I am grateful to all clients, stakeholders, employees and intellectual property community. MyIPO's success in realizing the planned initiatives is the result of strong cooperation and support given by all parties.*

Akhir sekali, saya berharap kerjasama yang erat dengan komuniti harta intelek dan *stakeholders* dapat diteruskan bagi memupuk budaya celik harta intelek di kalangan masyarakat seterusnya memastikan landskap harta intelek di Malaysia lebih dinamik.

*Finally, I hope that this close cooperation with the IP community and stakeholders will be continued to foster a culture of IP literacy in the community thus ensures a more dynamic IP landscape in Malaysia.*

Sekian, terima kasih.

*Thank you.*

**Dato' Azizan bin Mohamad Sidin**

Ketua Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

*Director General of Intellectual Property Corporation of Malaysia*

# Anggota Perbadanan

## *Members of Corporation*

YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail telah dilantik sebagai Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Politik dari Golden State University, California, Amerika Syarikat.

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Paya Besar, Kuantan, Pahang. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian dan Pengerusi Majlis Perunding Koperasi bagi Parlimen Paya Besar, Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Cawangan Negeri Pahang dan Ahli Lembaga Pengarah Felcra Berhad.

*YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail was appointed as Chairman of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010.*

*He holds a Masters in Political Science from Golden State University, California, USA.*

*He is a Member of Parliament for Paya Besar constituency, Kuantan, Pahang. He is also a Chairman of Agricultural Development Council and Consultative Council of Co-operatives for the Paya Besar constituency, Chairman of Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Pahang Branch and Board Member of Felcra Berhad.*



Pengerusi *Chairman*

**YB Dato' Haji Abdul Manan bin Ismail**



**YBhg Dato' Daud bin Tahir**

YBhg Dato' Daud bin Tahir telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010 hingga 30 September 2012.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Agribisnes dari Universiti Pertanian Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Dubuque, Amerika Syarikat.

Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

*Dato' Daud bin Tahir was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010 until 30 September 2012.*

*He holds a Bachelor of Science in Agribusiness from Universiti Pertanian Malaysia and a Masters in Business Administration from University of Dubuque, USA.*

*He is the Deputy Secretary General (Domestic Trade), Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (MDTCC).*

*At MyIPO, he is currently the Member of Investment Committee as well as Nomination and Remuneration Committee.*

YBhg Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 15 Julai 2008.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kep.) Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Di MyIPO, Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit, Ahli Jawatankuasa Kontrak dan Tender dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

*Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 15 July 2008.*

*She holds a Bachelor of Arts (Hons.) South East Asia Studies from University of Malaya and Masters of Land Resource Management from University Putra Malaysia.*

*She is currently the Under Secretary of Innovation and Commercialisation Division in Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).*

*At MyIPO, she is a Member of Audit Committee, Contract and Tender Committee and Nomination and Remuneration Committee.*



**YBhg Datin Nur Wahidah Wong binti Abdullah**



**YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri**

YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2008.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kep.) dari University of Hull, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Ohio, Amerika Syarikat.

Beliau adalah Ahli Parlimen bagi kawasan Batang Sadong, Sarawak dan merupakan Pengerusi Arkib Malaysia dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Di MyIPO pula, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, Ahli Jawatankuasa Audit dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan.

*YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri was appointed as a Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2008.*

*She holds a Bachelor of Laws (Hons.) from University of Hull, United Kingdom and a Masters in Business Administration from University of Ohio, USA.*

*She is a Member of Parliament for Batang Sadong, Sarawak. She also holds the position as the Chairman of National Archives Malaysia and Chairman for Forest Research Institute Malaysia (FRIM).*

*At MyIPO, she is the Chairman of Nomination and Remuneration Committee, Member of Audit Committee and Investment Committee.*

YBhg Dato' Amdan bin Mat Din telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Julai 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kep.) dari Universiti Malaya dan telah menyertai Majlis Peguam pada 1993.

Beliau berpengalaman dalam sektor awam dan swasta, termasuk di dalam bidang Perundangan dan Kehakiman. Beliau pernah menerajui beberapa jabatan penting di dua syarikat terkemuka tempatan iaitu Maxis Communications Berhad dan Ranhill Berhad.

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Ahli kepada Jawatankuasa Pelaburan.

*Dato' Amdan bin Mat Din was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 July 2010.*

*He holds a Bachelor of Laws (Hons.) from University of Malaya and was admitted to the Malaysian Bar in 1993.*

*He wealth experience in the public and private sectors including the Judicial and Legal fronts. He had set up and drive many departments for two major Malaysian companies i.e. Maxis Communications Berhad and Ranhill Berhad.*

*At MyIPO, he is currently the Chairman of Audit Committee and Member of Investment Committee.*



**YBhg Dato' Amdan bin Mat Din**



**Encik Peter Desmond Wee Tian Peng**

Encik Peter Wee Tian Peng telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Januari 2010.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang- Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Surrey, London.

Beliau merupakan Presiden Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Ahli Jawatankuasa Harta Intelek Majlis Peguam, Ahli Asian Patent Attorney Association (APAA) dan Ahli Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS).

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

*Desmond Wee Tian Peng was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 January 2010.*

*He earned his Bachelor's Degree of Laws (LLB Hons.) from Universiti of Malaya and Masters of Business Administration from University of Surrey, London.*

*He is the President of Malaysian Intellectual Property Association (MIPA), Member of the Bar Council Intellectual Property Committee, Member of Asian Patent Attorney Association (APAA) and member of Malaysian Invention and Design Society (MINDS).*

*At MyIPO, he sits as the Chairman of Investment Committee as well as Member of Nomination and Remuneration Committee.*



**YBhg Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen**

YBhg Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen telah dilantik sebagai Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 1 Mac 2011.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Elektrik (Kepujian) dari University of Manchester. Beliau adalah Pengerusi Ecoglove Asia Pacific Sdn Bhd, yang menjadi peneraju dalam bidang teknologi pemprosesan semula sarung tangan automatik di dunia.

Di MyIPO, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

*Datuk Seri Panglima Tham Nyip Shen was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) from 1 March 2011.*

*He graduated with a BSc (Hons) in Electronic and Electrical Engineering from University of Manchester. He is the founder and Executive Chairman of EcoGlove Asia Pacific Sdn Bhd, the pioneer in automatic glove reprocessing technology in the world.*

*At MyIPO, he is currently the Member of Audit Committee and Investment Committee.*



**YBhg Dato' Fauziah binti Yaacob**

YBhg Dato' Fauziah Yaacob telah dilantik menjadi Anggota Perbadanan Harta Intelek pada 1 Mei 2012.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kep.) (Geografi) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti of Liverpool, United Kingdom. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan), Kementerian Kewangan Malaysia.

Di MyIPO, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan.

*Dato' Fauziah Yaacob was appointed as Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 May 2012.*

*She holds a Bachelor of Arts (Hons.) (Geography) from University of Malaya and a Master Degree in Public Administration from the University of Liverpool, United Kingdom. Currently, she is the Deputy Secretary General of Treasury (System and Control), Ministry of Finance Malaysia (MOF).*

*At MyIPO, she is a Member of Audit Committee and Investment Committee.*

YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin telah dilantik sebagai Ketua Pengarah dan Anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Julai 2010.

*Dato' Azizan bin Mohamad Sidin was appointed as Director General and Member of Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) on 1 July 2010.*

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Agribisnes dari Universiti Pertanian Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi) dari University of Arkansas, Amerika Syarikat.

*He earned his Bachelor Degree of Science in Agribusiness from Universiti Pertanian Malaysia and Masters of Science (Economics) from University of Arkansas, USA.*

Di MyIPO, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Perolehan B dan Jawatankuasa Kontrak dan Sebutharga. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko serta Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan.

*At MyIPO, he is currently the Chairman of Lembaga Perolehan B and Contract and Quotation Committee. He is also a member of Investment and Risk Management Committee and Nomination and Remuneration Comitteee.*



**YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin**

# Kumpulan Pengurusan

## *Management Team*





**Mohd Shahar bin Osman**
Timbalan Ketua Pengarah
(Korporat)
*Deputy Director General*
*(Corporate)*

**YBhg Dato' Azizan bin Mohamad Sidin**
Ketua Pengarah
*Director General*

**Shamsiah binti Kamaruddin**
Timbalan Ketua Pengarah
(Harta Industri)
*Deputy Director General*
*(Industrial Property)*



**Abdul Aziz bin Ismail**
Pengarah Kanan Bahagian
Cap Dagangan
*Senior Director*
*of Trade Mark Division*

**Siti Eaisah binti Mohamad**
Pengarah Kanan Bahagian
Perancangan dan Hubungan
Antarabangsa
*Senior Director*
*of Planning and International*
*Relation Division*

**Zulkarnain bin Muhammad**
Pengarah Kanan Bahagian
Paten
*Senior Director*
*of Patent Division*



**Kamal bin Kormin**
Ketua Seksyen Pemeriksaan Paten (Sains Gunaan)
*Head of Patent Examination (Applied Science) Section*

**Fatimah Rohada binti Dahalan**
Ketua Seksyen Pemeriksaan Paten (Kejuruteraan)
*Head of Patent Examination (Engineering Section)*

**Mohd Faiizudin bin Mohd Sharuji**
Pengarah Bahagian Reka Bentuk Perindustrian
*Director of Industrial Designs Division*

**Sh. Arifin bin Sh. Mohd Noor**
Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran
*Director of Human Resources and Administration Division*



**Mohamed Fairuz bin Mohd Pilus**
Pengarah Bahagian Hakcipta
*Director of Copyright Division*

**Razhuan bin Hussin**
Pengarah Pusat Latihan Harta Intelek (IPTC)
*Director of Intellectual Property Training Centre (IPTC)*

**Sharifah Nadiah binti Syed Sheikh**
Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat
*Manager of Information Technology Division*

**Izam bin Ismail**
Ketua Akauntan
*Chief Accountant*



**Mohd Irwan bin Mohd Khalil**
Pegawai Perhubungan Awam
*Public Relations Officer*

**Nur Azrina binti Abdul Aziz**
Ketua Unit Audit Dalam
*Head of Internal Audit Unit*

**Rashidah Ridha binti Sheikh Khalid**
Pegawai Undang-Undang
*Legal Officer*

**Asmawati binti Omar**
Setiausaha Perbadanan
*Corporation Secretary*



**Suhezey bin Mohd Shafie**
Ketua Cawangan Johor Bahru
*Head of Johor Bahru Branch*

**Faridah binti Mat Firu**
Ketua Cawangan Kuantan
*Head of Kuantan Branch*

**Yusnieza Syarmila binti Yusoff**
Ketua Cawangan Sabah
*Head of Sabah Branch*

**Atek a/k Sanggeng**
Ketua Cawangan Sarawak
*Head of Sarawak Branch*

**Mohammad Zulkarnian bin Supian**
Ketua Cawangan Pulau Pinang (Memangku)
*Head of Penang Branch (Acting)*

# Sorotan 2012

## *2012 Highlights*



# Sorotan 2012
# *2012 Highlights*









SIJIL

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO)
(BAHAGIAN PATEN DAN BAHAGIAN CAP DAGANGAN)
LEVEL 15, TOWER B, MENARA UOA BANGSAR
NO. 5, JALAN BANGSAR UTAMA 1
59000 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

ISO 9001 : 2008

PEMERIKSAAN PATEN DAN CAP DAGANGAN DIPERCEPATKAN

Khalidah Mustafa

## Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008

## *Quality Management System MS ISO 9001:2008*

MyIPO memberi penekanan kepada pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang diiktiraf melalui pensijilan MS ISO 9001:2008 yang memfokuskan kepada Pemeriksaan Paten dan Cap Dagangan Dipercepatkan.

*MyIPO emphasises on the implementation of a recognized quality management system by MS ISO 9001:2008 certification which focused on Patents and Trade Marks Expedited Examination.*

Penganugerahan Pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 9 Mac 2012 menjadi pendorong kepada MyIPO dalam menyediakan sistem penyampaian pendaftaran pemeriksaan Paten dan Cap Dagangan Dipercepatkan yang lebih tersusun, memenuhi kehendak kumpulan sasaran dan secara tidak langsung meningkatkan jumlah pendaftaran harta industri.

*The certification of MS ISO 9001:2008 awarded on 9 March 2012 became a catalyst for MyIPO in providing a systematic registration delivery system to accomodate the needs of the target group thus indirectly increasing the number of IP registrations.*

Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 telah berjalan dengan lancar hasil daripada komitmen dan kerjasama pihak Pengurusan, Pasukan Pelaksana, Pasukan Dokumentasi serta Pasukan Audit Kualiti Dalaman. SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah dilantik sebagai badan pensijilan.

*The implementation of MS ISO 9001:2008 has taken place smoothly due to commitment and co-operation from the Management, Implementation Team, Documentation Team and Internal Quality Audit Team. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. has been appointed as the certification body.*







## Hari Harta Intelek Negara 2012

Hari Harta Intelek Negara 2012 (HHIN2012) telah disambut pada 27-28 April 2012 bertempat di Kuantan, Pahang. Sambutan Hari Harta Intelek Negara kali kelapan dengan tema "Harta Intelek Pemacu Transformasi" merupakan acara utama bagi program kesedaran dalam mempromosikan perlindungan harta intelek di Malaysia.

Majlis pelancaran HHIN2012 telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Adnan bin Yaakob. Antara program yang telah dijalankan sempena sambutan tersebut adalah Anugerah Harta Intelek Negara 2012 (AHIN2012), pameran dan seminar. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang AHIN2012 telah disempurnakan. Pemenang bagi kategori Organisasi ialah Universiti Putra Malaysia manakala bagi kategori Inovasi (Pelajar Sekolah Menengah) pula ialah Sekolah Raja Perempuan Taayah, Perak.

Bagi meningkatkan kesedaran harta intelek di kalangan pelajar sekolah dan masyarakat awam, buat julung kalinya Program Larian Harta Intelek dan Pertandingan Pidato telah dianjurkan. Selain itu, Pertandingan Bintang Retro dan Konsert Harta Intelek juga telah diadakan.

## *National Intellectual Property Day 2012*

*National Intellectual Property Day 2012 (NIPD2012) was celebrated on 27-28 April 2012 in Kuantan, Pahang. NIPD is the main event to promote intellectual property awareness and protection in Malaysia with this year's theme of "Intellectual Property Driving Transformation"*

*Among the activities held in conjunction with this celebration were National Intellectual Property Award 2012 (NIPA2012), exhibitions and seminars. The opening and NIPA2012 prize-giving ceremony was officiated by Menteri Besar of Pahang, Dato' Sri Adnan bin Yaakob. Universiti Putra Malaysia won the Organisation Category prize and Sekolah Raja Perempuan Taayah, Perak won the first prize for Innovation (Secondary School) Category.*

*IP Run and Oratory Competition were the first-time programmes organised in conjunction with NIPD2012 aiming to promote IP awareness among school students. While "Bintang Retro" Competition and IP Concert were a leisure-concept IP awareness targeting the public.*

## *United States Trade Representative (USTR) Annual "Special 301" Report*

"Special 301" adalah satu laporan kajian tahunan mengenai perlindungan dan penguatkuasaan harta intelek yang dikeluarkan oleh *United States Trade Representative (USTR)* ke atas rakan perdagangannya di seluruh dunia. Dalam Laporan "Special 301" yang dikeluarkan pada 30 April 2012, USTR mengumumkan bahawa Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai negara-negara dalam pemerhatian bagi isu perlanggaran hak harta intelek.

Harta intelek merupakan isu global yang akan terus berkembang selaras dengan kemajuan teknologi serta pembangunan ekonomi dan sosial. Malaysia kini memberi keutamaan kepada kepentingan perlindungan hak harta intelek yang merupakan aset penting dalam pembangunan ekonomi untuk mencapai status negara maju. Perlindungan hak harta intelek adalah bersifat kewilayahan dan tertakluk kepada undang-undang domestik namun kerjasama dalam bidang harta intelek merentasi sempadan antarabangsa. Kerjasama ini bertujuan memanfaatkan perkongsian strategik dalam pelbagai bidang teknikal harta intelek dan memastikan rangka perundangan harta intelek turut mengambil kira perkembangan di peringkat antarabangsa.

*IP is an emerging global issue in line with technology advancement as well as economic and social development. Malaysia is now emphasizing on the importance of IP rights protection, a crucial asset in developing the economy to achieve the status of developed country. IP protection is territorial in nature and subjected to domestic laws, though co-operation in IP transcends any border. This co-operation aims to take advantage of the strategic partnership in various technical fields of IP and to ensure IP legal framework is inline with new development at the international level.*

### Malaysia dan *World Intellectual Property Organisation (WIPO)*

Perhimpunan Tahunan WIPO ke 50

Perhimpunan Tahunan World Intellectual Property Organisation (WIPO) ke-50 telah diadakan dari 1 sehingga 9 Oktober 2012 bertempat di Geneva, Switzerland. Perhimpunan Tahunan ini telah dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi yang bertanggungjawab ke atas harta intelek dari negara-negara ahli WIPO, organisasi antara-kerajaan serta organisasi bukan kerajaan peringkat antarabangsa dan nasional.

### *Malaysia and World Intellectual Property Organisation (WIPO)*

*50th WIPO General Assembly*

*World Intellectual Property Organisation (WIPO) convened the Fiftieth Series of Assembly of the Member States of WIPO (General Assembly) from 1 to 9 October 2012 in Geneva, Switzerland. The Assembly was attended by higher level management responsible for IP in WIPO member states, intergovernmental organisations, as well as international and national non- governmental organisations.*





Ibu Pejabat *World Intellectual Property Organization* di Geneva

*World Intellectual Property Organization Headquarters in Geneva*

Delegasi Malaysia telah diwakili oleh MyIPO dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Wakil Tetap Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa Bersatu di Geneva.

Perhimpunan Tahunan ini telah membincangkan mengenai dasar harta intelek di peringkat antarabangsa, prestasi kewangan WIPO dan program-program yang telah dilaksanakan oleh WIPO bagi tempoh 2010/2011. Perhimpunan Tahunan ini juga turut memberi mandat bagi isu-isu yang telah dibincangkan di peringkat *Standing Committee* bagi paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian, petunjuk geografi, hak cipta dan pengetahuan tradisional, sumber genetik dan ekspresi kebudayaan tradisional. Antara agenda perbincangan termasuklah:

- status pelaksanaan projek di bawah *WIPO Development Agenda*;
- mandat bagi meneruskan perbincangan mengenai draf instrumen perundangan berkenaan pengecualian dan batasan bagi golongan *visual impairment* dan *print disabilities*;
- mandat untuk melaksanakan pelan kerja bagi perlindungan sumber genetik, pengetahuan tradisional dan ekspresi kebudayaan tradisional di peringkat antarabangsa; dan
- status draf teks mengenai Undang-Undang dan Amalan Reka Bentuk Perindustrian di peringkat antarabangsa.

*The Malaysian delegation was represented by MyIPO, the Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism together with the representative from Permanent Mission of Malaysia to United Nation in Geneva.*

*The assembly discussed on IP policies at the international level, WIPO's financial performance and programmes implemented by WIPO for the term 2010/2011. The General Assembly has also given its mandate for issues that have been discussed at the Standing Committee level for patent, copyright, trade mark, industrial design, geographical indication, traditional knowledge, genetic resources and traditional cultural expression. Among the agendas include:*

- *progress on the implementation of projects under the WIPO Development Agenda;*
- *mandate to continue the discussion on draft of legal instrument on exceptions and limitations for persons with visual impairment and print disabilities;*
- *mandate to implement work plan for the protection of genetic resources, traditional knowledge and traditional cultural expression at the international level; and*
- *progress made on the text draft of Industrial Design Law and Practice at the international level.*

Malaysia merupakan antara 109 negara yang telah menyatakan pendirian mengenai isu-isu yang dibincangkan semasa perhimpunan tersebut. Penglibatan Malaysia dalam perhimpunan ini dapat memelihara kepentingan negara dan Malaysia akan mendapat manfaat daripada program-program yang telah dirancangkan oleh WIPO untuk pembangunan harta intelek.

*Malaysia was among 109 countries that had expressed her stance on issues discussed during the Assembly. Malaysia's involvement in this Assembly will safeguard nation's interest and to ensure Malaysia will benefit from programmes that have been planned by WIPO for the development of IP.*

**Peringkat *Standing Committee***

***Standing Committee Level***

MyIPO juga telah menyertai secara aktif dalam perbincangan isu-isu harta intelek di peringkat *Standing Committee* bagi mengikuti perkembangan semasa harta intelek di peringkat antarabangsa dan memastikan kepentingan Negara diambil kira dalam setiap keputusan yang dicapai. MyIPO telah mewakili Malaysia dalam mesyuarat yang telah diadakan sepanjang 2012 seperti di Jadual 1.

*MyIPO has actively participated actively in the discussion on IP issues at the Standing Committee level to keep abreast on the current developments of IP at the international level. The purpose of the participation was also to ensure national interest will be taken into consideration in every decision achieved by the Committee. MyIPO represented Malaysia in the meetings which were held throughout 2012 as shown in Table 1.*

**Jadual 1: Mesyuarat di Peringkat *Standing Committee WIPO***

***Table 1: Meetings at WIPO Standing Committee Level***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | *20th Session Of The Intergovernmental Committee On IP And Genetic Resources, Traditional Knowledge And Folklore* | 14-22 Feb | Switzerland |
| 2 | *3rd Meeting of Like-Minded Countries on the Protection of Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore* | 27-29 Jun | Indonesia |
| 3 | *22nd Session Intergovernmental Committee On Intellectual Property And Genetic Resources, Traditional Knowledge And Folklore,* | 9-13 Jul | Switzerland |
| 4 | *24th Session of the Standing Committee on Copyright and Related Rights* | 16-25 Jul | Switzerland |
| 5 | *27th Standing Committee on the Law of Trademarks, Industrial Designs and Geographical Indications* | 18-21 Sep | Switzerland |
| 6 | *25th Session of the Standing Committee on Copyright and Related Rights* | 19-23 Nov | Switzerland |



**Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)**

Harta intelek merupakan salah satu isu yang dibincangkan dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA). MyIPO turut terlibat sebagai pakar teknikal berkaitan harta intelek dalam rundingan FTA seperti berikut:

i. *Malaysia-European Union (MEUFTA)*
ii. *Malaysia-Australia-Australia (MAFTA)*
iii. *Trans Pacific Partnership (TPP)*

Mesyuarat dan rundingan yang telah dihadiri oleh MyIPO adalah seperti di Jadual 2.

***Free Trade Agreement (FTA)***

*IP is one of the issues being negotiated under the free trade agreement (FTA). MyIPO has also participated as a technical expert on IP in the following on-going FTA negotiations:*

*i. Malaysia-European Union (MEUFTA)*
*ii. Malaysia-Australia (MAFTA)*
*iii. Trans Pacific Partnership (TPP)*

*The list of meetings and negotiations participated by MyIPO is as shown in Table 2.*

**Jadual 2: Mesyuarat dan Rundingan di Peringkat Serantau dan Antarabangsa**
***Table 2: Meetings and Negotiations at Regional and International Levels***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | *11th Malaysia-Australia (MAFTA)* | 20-31 Jan | Malaysia |
| 2 | *6th Malaysia-European Union (MEUFTA)* | 8-11 Feb | Malaysia |
| 3 | *12th Malaysia-Australia (MAFTA)* | 20-25 Feb | Australia |
| 4 | *11th Round of the Trans Pacific Partnership Agreement (TPP) Negotiation* | 1-9 Mac | Australia |
| 5 | *7th Malaysia-European Union (MEUFTA)* | 17-20 Apr | Belgium |
| 6 | *12th Round of the Trans Pacific Partnership Agreement (TPP) Negotiation* | 8-18 Mei | United States |
| 7 | *13th Round of the Trans Pacific Partnership Agreement (TPP) Negotiation* | 2-10 Jul | United States |
| 8 | *14th Round of the Trans Pacific Partnership Agreement (TPP) Negotiation* | 6-15 Sep | United States |
| 9 | *15th Round of the Trans Pacific Partnership Agreement (TPP) Negotiation* | 3-12 Dis | New Zealand |

***Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)***

*ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC)* telah diberi mandat untuk membangunkan, menyelaraskan dan melaksanakan program yang berkaitan harta intelek di peringkat rantau ASEAN. AWGIPC telah mengariskan 28 inisiatif di bawah Pelan Tindakan ASEAN IPR 2011-2015.

*The ASEAN Working Group on Intellectual Property Cooperation (AWGIPC) is mandated to develop, coordinate, and implement all IP-related regional programmes and activities the ASEAN region. AWGIPC has underlined 28 initiatives under the ASEAN IPR Action Plan 2011-2015.*

Pada 2012, AWGIPC telah memberi fokus kepada pelan kerja bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah 28 inisiatif tersebut. Pelaksanaan aktiviti di bawah Pelan Tindakan ASEAN IPR 2011-2015 ini turut mendapat sokongan dari rakan dialog ASEAN dan organisasi seperti Australia, New Zealand, China, *European Patent Office (EPO)*, Kesatuan Eropah, *Japan Patent Office (JPO)*, *United State Patent and Trademark Office (USPTO)* dan *World Intellectual Property Organisation (WIPO)*.

*In 2012, AWGIPC has been focusing on the work plan for the implementation of activities under the 28 initiatives. The implementation of activities under the ASEAN IPR Action Plan 2011-2015 is also supported by ASEAN Dialogue Partner and Organisations namely Australia, New Zealand, China, European Patent Office (EPO), European Union, Japan Patent Office (JPO), United State Patent and Trademark Office (USPTO) and World Intellectual Property Organisation (WIPO).*

AWGIPC juga telah membincangkan program kerjasama dengan rakan dialog dan dua perjanjian/memorandum kerjasama harta intelek telah dimeterai seperti berikut:

- *ECAP III Phase II – ASEAN Project on the Protection of Intellectual Property Rights (Addendum to Financing Agreement)* ditandatangani pada 11 September 2012.
- *Memorandum of Cooperation on Industrial Property between the Intellectual Property Offices of the Member States of ASEAN and the Japan Patent Office* ditandatangani pada 11 Julai 2012.

*AWGIPC had also discussed on cooperation programmes with ASEAN Dialogue partners and two agreement/memorandum of cooperation were concluded as follows:*

- *ECAP III Phase II – ASEAN Project on the Protection of Intellectual Property Rights (Addendum to Financing Agreement) signed on 11 September 2012.*
- *Memorandum of Cooperation on Industrial Property between the Intellectual Property Offices of the Member States of ASEAN and the Japan Patent Office signed on 11 July 2012.*

AWGIPC turut membincangkan cadangan program kerjasama dengan China dalam bidang pengetahuan tradisi dan ubatan tradisi China. MyIPO telah mewakili Malaysia sebagai wakil tetap dalam AWGIPC dan pada 2012, AWGIPC telah mengadakan tiga mesyuarat seperti di Jadual 3.

*AWGIPC on proposed co-operation programmes with China on proposed cooperation programmes on traditional knowledge and traditional Chinese medicines. MyIPO has been representing Malaysia as a permanent member of AWGIPC and attended three AWGIPC meetings in 2012 is as shown in Table 3.*

**Jadual 3: Mesyuarat di Peringkat ASEAN**
***Table 3: Meetings at the ASEAN Level***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | *37th Meeting of AWGIPC* | 29 Mac-1 Apr | Thailand |
| 2 | *38th Meeting of AWGIPC* | 9-13 Jul | Singapore |
| 3 | *39th Meeting of AWGIPC* | 20-23 Nov | Indonesia |
| 4 | *1st ASEAN-Japan Heads of IP Offices Meeting and ASEAN IP Offices Symposium* | 7-10 Feb | Japan |





**Seminar, Kursus dan Bengkel di Peringkat Antarabangsa**

Hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam bidang harta intelek turut memberi fokus kepada bina upaya dan bantuan teknikal. Pegawai MyIPO telah berpeluang menyertai program-program yang telah dianjurkan oleh WIPO, ASEAN, APEC, USPTO, EPO, JPO dan SIPO. Program kerjasama ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memberi peluang kepada para peserta berkongsi pengalaman dalam bidang harta intelek. Senarai seminar, kursus dan bengkel yang telah dihadiri sepanjang 2012 adalah seperti di Jadual 4.

MyIPO turut bekerjasama dengan organisasi antarabangsa untuk mengadakan seminar peringkat serantau di Malaysia. Dua seminar yang telah diadakan di Malaysia pada 2012 adalah seperti yang berikut:

***WIPO Asia Pacific Regional Seminar on the Issues of Copyright and Related Rights in the Music Industry***

Seminar ini telah diadakan dari 3 hingga 4 Mei 2012 bertempat di Pusat Latihan Harta Intelek, MyIPO. Seminar ini merupakan anjuran bersama MyIPO, WIPO dan Kementerian Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Korea. Seminar selama dua hari ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Tan Lian Hoe, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

***Seminars, Courses and Workshops at International Level***

*Regional and international co-operation in the field of IP were also focused on capacity building and technical assistance. MyIPO officers have had an opportunity to participate in the programmes organized by WIPO, ASEAN, APEC, USPTO, EPO, JPO and SIPO. The purpose of these cooperation programmes is to enhance knowledge and skills as well as to provide a platform for participants to share their experience in the field of intellectual property. The list of seminars, courses and workshops attended throughout 2012 is as shown in Table 4.*

*MyIPO has also collaborated with international organisations to organize seminars at the regional level. In 2012, two seminars were held in Malaysia as follows:*

***WIPO Asia Pacific Regional Seminar on the Issues of Copyright and Related Rights in the Music Industry***

*The seminar was held from 3 to 4 May 2012 at the Intellectual Property Training Centre, MyIPO. The seminar was co-organized by MyIPO, WIPO and Ministry of Culture, Sports and Tourism, Korea. The two-day seminar was officiated by YB Dato' Tan Lian Hoe, Deputy Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism.*

Seminar ini memberi fokus kepada pembangunan dan isu-isu semasa mengenai hakcipta dan hak-hak berkaitan dalam industri muzik. Seramai 31 peserta dari 20 negara rantau Asia-Pacific telah berpeluang bertukar maklumat dan berbincang mengenai strategi bagi menangani cabaran perlindungan hakcipta dalam industri muzik.

*The seminar focused on the development and current issues involving copyright and related rights in the music industry. A total of 31 participants from 20 Asia-Pacific countries who attended the seminar have had an opportunity to exchange information and to discuss on the strategy to cope with the challenges of copyright protection in music industry.*

***WIPO Regional Seminar on the Legislative, Economic and Policy Aspects of Utility Models Protection System***

***WIPO Regional Seminar on the Legislative, Economic and Policy Aspects of Utility Models Protection System***

Seminar ini telah diadakan dari 3 hingga 4 September 2012 bertempat di Pusat Latihan Harta Intelek, MyIPO. Seminar ini merupakan anjuran bersama MyIPO, WIPO dan JPO. Seminar selama dua hari ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Haji Abdul Manan Ismail, Pengerusi MyIPO. Seminar ini memberi fokus kepada isu-isu berkaitan sistem perbaharuan utiliti dari segi perundangan, ekonomi dan polisi. Seminar ini telah dihadiri oleh 30 peserta tempatan dan 20 peserta dari Negara ASEAN, Sri Lanka, Pakistan, Mongolia, China dan Bhutan.

*The seminar was held from 3 to 4 September 2012 at the Intellectual Property Training Centre, MyIPO. The two days seminar was co-organized by MyIPO, WIPO and JPO. The two-day seminar was officiated by YB Dato' Haji Abdul Manan Ismail, Chairman of MyIPO. The seminar focussed on issues related to utility innovation system from the perspective of the law, economy and policy. The seminar was attended by 30 local participants and 20 foreign participants from ASEAN member states, Sri Lanka, Pakistan, Mongolia, China and Bhutan.*

**Jadual 4: Seminar, Kursus dan Bengkel di Peringkat Antarabangsa**
***Table 4: Seminars, Courses and Workshops at International Level***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* | Anjuran *Organiser* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *ASEAN-USPTO Workshop on Trademark Examination* | 11-13 Jan | Cambodia | ASEAN-USPTO |
| 2 | *Training Course on the Examination Practice of Industrial Property (Basic Program)* | 18-31 Jan | Japan | WIPO |
| 3 | *Training Course for Patent Examiners on Specified Technology (Optical Apparatus)* | 15-22 Feb | Japan | WIPO |
| 4 | *Sub-Regional Workshop on Intellectual Property Education and Training* | 21-24 Feb | Malaysia | WIPO |
| 5 | *Training Course for Patent Examiners on Specified Technology (Pharmaceuticals)* | 22 Feb-1 Mac | Japan | WIPO |
| 6 | *WIPO Training Course on Patent Law and Examination* | 6-15 Mac | Republic of Korea | WIPO |
| 7 | *WIPO Sub-Regional Workshop on Measures for Accession to,and Effective use of, The Madrid System* | 8-9 Mac | Japan | WIPO |

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* | Anjuran *Organiser* |
|---|---|---|---|---|
| 8 | *Course on Intellectual Property Right* | 22 Mac-7 Apr | Republic of Korea | *International Intellectual Property Training Institute (IIPTI)* |
| 9 | *PTO Training Program Specifically on Madrid Protocol* | 27-30 Mac | USA | USPTO |
| 10 | *Workshop on Copyright Exceptions and Limitations* | 2-3 Apr | Chile | APEC |
| 11 | *Seminar on Intellectual Property Protection and Economic Development for Developing Countries* | 11 Apr- 8 Mei | China | Kerajaan China |
| 12 | *ASEAN-USPTO Advanced Workshop on Enforcement of Intellectual Property Rights against Trade in Counterfeit Goods* | 18-20 Apr | Indonesia | ASEC-USPTO |
| 13 | *East Meets West Forum* | 19-20 Apr | Italy | EPO |
| 14 | *Asia-Pacific Regional Symposium on Capacity Building in the Field of Copyright and Related Rights* | 24-25 Apr | Phillipines | WIPO |
| 15 | *WIPO Training Course on Trademark Law and Examination* | 24 Apr-2 Mei | Republic of Korea | WIPO |
| 16 | *WIPO Regional Workshop on the Effective Use the PCT System* | 16-17 Mei | Thailand | WIPO |
| 17 | *WIPO/CIPO Executive Workshop on the Application of Management Techniques in the Delivery of IP Services* | 28 Mei-1 Jun | Canada | WIPO-CIPO |
| 18 | *Policy Dialogue on Patents Work-Sharing Initiatives* | 5-6 Jun | Singapore | WIPO |
| 19 | *Economic Partnership Program (EPP) on Capacity Building for Intellectual Property Training* | 13-21 Jun | Japan | EPO |
| 20 | *Interregional Intermediate Seminar on Industrial Property and Practical Training Phase* | 20-22 Jun & 26 Jun-6 Jul | Switzerland & Austria | WIPO |
| 21 | *Reconvened Diplomatic Conference on the Protection of Audiovisual Performances ("Diplomatic Conference")* | 20-26 Jun | China | WIPO |
| 22 | *WIPO-UNEP Workshop on the Disposal of Counterfeit Goods* | 3-4 Jul | Thailand | WIPO-UNEP |
| 23 | *Intellectual Property Management for C-Suite Seminar 2012: Riding the IP Wave and Europe Asia Patent Information Conference* | 12-13 Jul | Singapore | IPOS |

| **Bil.** *No.* | **Program** *Programme* | **Tarikh** *Date* | **Tempat** *Venue* | **Anjuran** *Organiser* |
|---|---|---|---|---|
| 24 | *Regional Seminar on Intellectual Property (IP) Management and Commercialization of IP Assets and The WIPO Development Agenda Regional Consultation Meeting on Intellectual Property and Technology Transfer: Common Challenges –Building Solutions* | 12-13 Jul & 16-17 Jul | Singapore | WIPO |
| 25 | *The JPO/IPR Training Course For ASEAN Countries (IPAS)* | 23 Jul-3 Ogos | Japan | JPO |
| 26 | *Introductory Training in Substantive Examination* | 30 Jul-3 Ogos | Philippines | IPOHL EPO |
| 27 | *Round Table Discussion on Substantive Patent Examination hosted by the Companies and Intellectual Property Commission of South Africa* | 30-31 Ogos | South Africa | CIPC WIPO |
| 28 | *Sub-Regional Workshop on the Establishment of an Information Technology (IT) Infrastructure for the Effective Utilization of Patent Examination Results of Other Intellectual Property Offices (IPOs)* | 6-7 Sep | Japan | WIPO |
| 29 | *Asia Pacific Regional Symposium on Development of Copyright Strategies and Policies* | 10-12 Sep | Viet Nam | WIPO |
| 30 | *Copyright and Related Rights in the Global Economy* | 27 Ogos-14 Sep | Sweden | SIDA |
| 31 | *2012 China-ASEAN Seminar on Intellectual Property (IP) and Protection of Traditional Knowledge and Genetic Resource* | 9-13 Sep | China | ASEAN |
| 32 | *Interregional Intermediate Seminar on Copyright and Related Rights* | 17-19 Oct | Switzerland | WIPO |
| 33 | *Biodiversity, the International Regime for Access and Benefit Sharing and Intellectual Property: A Blended Learning Capacity Building course for Southeast* | 16-20 Sep | Indonesia | UNCTAD, BMZ, GIZ, DGIPR |
| 34 | *ASEAN-USPTO Workshop on Patent Protection, Licensing and Enforcement from A to Z* | 15-18 Oct | Thailand | ASEAN-USPTO |
| 35 | *Seminar on Human Resource Development of Intellectual Property Offices: Challenges and Responses* | 23-25 Oct | Republic of Korea | WIPO |
| 36 | *Training Course on the Examination of Industrial Property (Intermediate/Advanced Program)* | 22 Oct-2 Nov | Japan | WIPO |

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* | Anjuran *Organiser* |
|---|---|---|---|---|
| 37 | *Advanced Training Course on Copyright and Related Rights* | 22 Oct-2 Nov | London | WIPO & BCC |
| 38 | *Training Course on the Examination Practice of Industrial Property (Intermediate/ Advance Program)* | 22 Oct-2 Nov | Japan | WIPO |
| 39 | *APEC Training for Trainers on Intellectual Property Issues: Management and Commercialization* | 29-31 Okt | Thailand | APEC |
| 40 | *WIPO Regional Workshop on Copyright Exceptions and Limitations for Visually Impaired Persons with Print Disabalities* | 6-7 Nov | Singapore | WIPO |
| 41 | *Consultation Seminar Accession to the Madrid Protocol* | 8-9 Nov | Indonesia | WIPO |
| 42 | *Interregional Training Program on Copyright Enforcement* | 12-20 Nov | Republic of Korea | WIPO |
| 43 | *Special Course on the Enforcement of Copyright and Related Right* | 19-30 Nov | Japan | WIPO |
| 44 | *Patent Examination Practice for APEC Economies* | 20 Nov-13 Dis | Japan | JICA |
| 45 | *Regional Seminar on the Protection of Industrial Design and International Registration System (Hague System)* | 12-13 Nov | China | WIPO-SIPO |
| 46 | *ASEAN-Japan IP Workshop on SME Smart Track to IP information* | 27-28 Nov | Thailand | JETRO |
| 47 | *Blended Learning Course on Biodiversity, International Regime for Access and Benefit Sharing and Intellectual Property for Asean Countries* | 10-12 Dis | Indonesia | UNCTAD |
| 48 | *Forum Business IP Asia* | 7 Dis | China | HKTDC BIP Asia |
| 49 | *Training Course on the Use of Information Technolgy* | 3-14 Dis | Japan | WIPO |
| 50 | *Sub-Regional Workshop on the Hague System for the International Registration of Industrial Designs for the Member States of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* | 19-20 Dis | Philippines | WIPO |



**Lawatan Kajian ke Pejabat dan Organisasi Harta Intelek Luar Negeri**

Kemajuan teknologi yang pesat dan perkembangan ekonomi Negara yang semakin stabil memerlukan MyIPO sentiasa peka terhadap kehendak *stakeholder* yang semakin meningkat dalam bidang harta intelek.

Sehubungan dengan itu, MyIPO telah mengadakan lawatan kajian ke pejabat dan organisasi harta intelek luar negeri bagi meningkatkan pengetahuan mengenai sistem perbaharuan utiliti dan penilaian harta intelek. Pada 2012, dua lawatan kajian telah dilaksanakan seperti di Jadual 5.

***Study Visit to Foreign Intellectual Property Offices and Organisations***

*With the rapid growth of technology advancement and the stability of Malaysia's economy, MyIPO needs to be vigilant with the increasing demand from the stakeholders in the field of IP.*

*Accordingly, MyIPO has held study visits to IP offices and organisations of other countries to enhance knowledge on the utility innovation and intellectual property valuation. In 2012, two study visits were held are as shown in Table 5.*

**Jadual 5: Lawatan Kajian ke Pejabat dan Organisasi Harta Intelek Luar Negara**
***Table 5: Study Visit to Other IP Office/Organisation***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | Lawatan Kajian *Innovation Patents IP Australia* | 15-16 Mac | Australia |
| 2 | *Study Visit on IP Valuation in China* | 6-9 Nov | China |






**Penglibatan MyIPO Dalam Pameran**

Bagi mengukuhkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa, MyIPO telah menyertai empat pameran antarabangsa yang telah diadakan di luar negeri. Penyertaan ini juga merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai harta intelek di samping mempromosikan perkhidmatan MyIPO di peringkat antarabangsa. Pameran antarabangsa yang telah disertai pada 2012 adalah seperti di Jadual 6.

***MyIPO's Involvement in the International Exhibitions***

*In strengthen co-operation at the international level, MyIPO has participated in four international exhibitions as an effort to enhance awareness on IP. The exhibitions also served as a platform to promote services rendered by MyIPO at the international level. The list of international exhibitions participated by MyIPO in 2012 is as shown in Table 6.*

**Jadual 6: Pameran Antarabangsa**
***Table 6: International Exhibitions***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | *China Franchise Exhibition 2012* | 10-14 Mei | China |
| 2 | *Shanghai International Franchise Exhibition (SIFE) 2012* | 15-17 Sep | China |
| 3 | *5$^{th}$ World Halal Expo (WHE) 2012* | 11-14 Nov | United Arab Emirates |
| 4 | *World SME Expo (WSE) 2012* | 5-10 Dis | Hong Kong |



## Lawatan Kerja Dari Pejabat dan Organisasi Harta Intelek Serantau dan Antarabangsa

Sepanjang 2012, MyIPO telah menerima lapan kunjungan dari pejabat dan organisasi harta intelek serantau dan antarabangsa. Kunjungan ini bukan sahaja membuka peluang untuk MyIPO berkongsi pengalamannya dengan pejabat dan organisasi tersebut tetapi juga merupakan satu pengiktirafan kepada sistem harta intelek Malaysia yang menjadi rujukan pihak luar.

## *Working Visit by the Regional and International Intellectual Property Offices and Organisations*

*In 2012, MyIPO received eight working visits from regional and international intellectual property offices and organisations. These working visits opened were an opportunity for MyIPO to share its experiences and as a recognition to Malaysia's IP system that has become a reference for foreign organizations.*





## Lawatan Kerja dari *Kyungpook National University*

Pada 20 Februari 2012, MyIPO telah menerima lawatan kerja dari penuntut *Kyungpook National University*, Korea yang diketuai oleh Profesor Sungjai Choi. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada para penuntut mengenai sistem harta intelek di Malaysia.

## *Working Visit from Kyungpook National University*

*MyIPO received a working visit from students of Kyungpook National University, Korea on 20 February 2012. The visit was led by Professor Sungjai Choi. The purpose of the visit is to give exposure to the students on Malaysian IP system.*

## Kunjungan Hormat dari *Japan External Trade Organisation (JETRO)*

MyIPO telah menerima kunjungan hormat dari *Japan External Trade Organisation (JETRO)* pada 14 Mac 2012. Kunjungan ini diketuai oleh Mr. Yasuo Ohkuma, Pengarah Jabatan Harta Intelek JETRO di Bangkok dan turut disertai oleh wakil kedutaan Jepun dan dua orang pegawai JETRO. Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai infrastruktur ICT dan prosedur pemeriksaan substantif paten yang dilaksanakan di MyIPO.

## *Courtesy Visit from Japan Trade Organisation (JETRO)*

*On 14 March 2012, MyIPO received a courtesy visit from Japan Trade Organisation (JETRO) led by Mr. Yosuo Ohkuma, Director of Intellectual Property Department JETRO, Bangkok and accompanied by representitive from Embassy of Japan and two officers from JETRO. The visit discussed on the ICT infrastructure and patent substantive examination procedures implemented by MyIPO.*





**Mesyuarat Duahala antara MyIPO dan Direktorat Jenderal Hak Kekayaan Intelektual, Indonesia**

Pada 3 Mei 2012, MyIPO telah mengadakan mesyuarat duahala dengan Direktorat Jenderal Hak Kekayaan, Indonesia (DJHKI) bertempat di ibu pejabat MyIPO. DJHKI telah diwakili oleh Profesor Dr. Ahmad M. Ramli, Direktur Jenderal DJHKI dan turut disertai oleh dua orang pegawai DJHKI. Isu-isu yang telah dibincangkan semasa mesyuarat ini termasuklah kerjasama dalam bidang pengetahuan tradisional, sumber genetik, petunjuk geografi dan program kesedaran awam. Direktur Jenderal DJHKI turut berpeluang mengadakan kunjungan hormat kepada YB. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

***Bilateral Meeting between MyIPO and Directorate General of Intellectual Property Rights, Indonesia***

*A bilateral meeting between MyIPO and Directorate General of Intellectual Property Rights, Indonesia (DGIPR) was held on 3 May 2012 at MyIPO main office. DGIPR was led by Professor Dr. Ahmad M. Ramli, Director General of DGIPR and accompanied by two officers from DGIPR. The meeting discussed on possible co-operation in the field of traditional knowledge, genetic resources, geographical indication and awareness programmes. Director General of DGIPR had an opportunity to pay a courtesy call to YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism.*

**Lawatan Kerja dari *Japan Patent Office (JPO)***

*Japan Patent Office (JPO)* telah mengadakan lawatan kerja di MyIPO pada 13 Julai 2012. Lawatan ini diketuai oleh Mr. Yoshiyuki Iwai, *Commissioner of JPO* dan turut disertai oleh empat orang pegawai JPO dan seorang wakil dari JETRO, Bangkok. Lawatan kerja ini bertujuan bertukar maklumat mengenai perkembangan terkini pembangunan harta intelek di kedua-dua negara.

***Working Visit from Japan Patent Office (JPO)***

*MyIPO received an official visit from Japan Patent Office (JPO) on 13 July 2012. The visit was led by Mr. Yoshiyuki Iwai, Commissioner of JPO and accompanied by four officers from JPO and a representative from JETRO, Bangkok. The discussion focused on exchanging information on the latest development of IP of both countries.*



**Kunjungan Hormat dari *International Association Protection of Intellectual Property (AIPPI)***

MyIPO telah menerima kunjungan hormat dari *International Association Protection of Intellectual Porperty (AIIPI)* pada 13 Ogos 2012. Kunjungan hormat ini diketuai oleh Mr. Yoon Bae Kim, Presiden AIPPI dan turut disertai dua orang wakil AIPPI Malaysia. Melalui kunjungan hormat ini, MyIPO telah berkongsi maklumat mengenai pembangunan harta intelek di Malaysia dan insiatif baru yang dilaksanakan oleh MyIPO bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan. Kedua-dua pihak turut membincangkan berkenaan program kerjasama semasa pertemuan tersebut.

***Courtesy Call from International Association Protection of Intellectual Property (AIPPI)***

*International Association Protection of Intellectual Property (AIIPI) paid a courtesy call to MyIPO on 13 August 2012, led by Mr. Yoon Bae Kim, President of AIPPI and accompanied by representatives from AIPPI Malaysia. The purpose of the courtesy call was to share information on the development of IP in Malaysia as well as new initiatives implemented by MyIPO to improve its service delivery system. Collaboration programmes between the two parties were also discussed during the meeting.*




**Mesyuarat Duahala antara MyIPO dan *Innobiz Association*, Korea**

Satu mesyuarat duahala antara MyIPO dan *Innobiz Association*, Korea telah diadakan pada 28 Ogos 2012. *Innobiz Association* telah diketuai oleh Mr. Sung-Hoon Park, Pengerusi *Innobiz* dan turut disertai oleh dua orang pegawai *Innobiz*. Mesyuarat ini telah membincangkan mengenai undang-undang harta intelek dan pemindahan teknologi.

***Bilateral Meeting Between MyIPO and Innobiz Association, Korea***

*A bilateral meeting between MyIPO and Innobiz Association from South Korea was held on 28 August 2012. Innobiz Association was led by Mr. Sung-Hoon Park, Chairman of Innobiz and accompanied by two officers from Innobiz. The meeting focused on intellectual property laws and technology transfer.*

**Lawatan Kerja oleh Delegasi Kerajaan Nepal**

Pada 11 Disember 2012, Delegasi Kerajaan Nepal yang diketuai oleh Mr. Laxman Prasad Bhattarai, *Joint Secretary of Ministry of Industry* telah mengadakan lawatan kerja ke MyIPO. Lawatan kerja ini turut disertai oleh 11 orang pegawai dari pelbagai kementerian di Nepal. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mempelajari sistem harta intelek dan polisi yang diamalkan di Malaysia bagi membantu Kerajaan Nepal memperkenalkan polisi dan perundangan harta intelek di Nepal.

***Working Visit by Delegation from Government of Nepal***

*MyIPO received a working visit by delegates from the Government of Nepal led by Mr. Laxman Prasad Bhattarai, Joint Secretary for Ministry of Industry on 11 December 2012. He was accompanied by 11 officials from various ministries of Nepal. The purpose of the visit was to learn IP system and policy in Malaysia in order to assist the Government of Nepal to introduce IP rights policy and legislation in Nepal.*



**Lawatan Kerja oleh Delegasi Republik Uganda**

MyIPO telah menerima lawatan kerja dari delegasi Republik Uganda pada 13 Disember 2012. Delegasi ini telah diketuai oleh Hon. Tashobya Stephen, *Chairperson Committee of Legal and Parliament Affair* dan turut disertai oleh empat ahli jawatankuasa hal ehwal perundangan dan parlimen. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk mempelajari polisi dan sistem harta intelek yang diamalkan di Malaysia. Delegasi turut dibawa melawat ke Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Universiti Putra Malaysia.

***Working Visit by Delegates from Republic of Uganda***

*On 13 December 2012, MyIPO received a working visit from the Republic of Uganda. The Delegation was led by Hon. Tashobya Stephen, Chairperson, Committee of Legal and Parliament Affair and accompanied by four members of Legal and Parliament Affair Committee. The objective of this working visit was to learn IP system and policy in Malaysia. The delegation also visited the Research and Development Centre of University Putra Malaysia.*



# Sumber Manusia & Teknologi

## *Human Resources & Technology*



# Sumber Manusia & Teknologi
# *Human Resources & Technology*

**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

Bagi melaksanakan misi MyIPO, pentadbiran pembangunan sumber manusia yang efisien adalah faktor utama yang menentukan hala tuju MyIPO. MyIPO sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur dan pendekatan yang efektif ke arah melahirkan modal insan berilmu, cemerlang dan berdaya saing.

Pada 2012, seramai 61 orang pekerja baru telah dilantik bagi mengisi pelbagai jawatan berikutan penstrukturan semula organisasi menjadikan jumlah keseluruhan pekerja kepada 426 orang.

**Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI)**

Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI) telah diperkenalkan untuk menggantikan Sistem Saraan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (SSPHIM/SSMyIPO). Sistem ini menawarkan sistem saraan yang lebih kompetetif dan skim perkhidmatan yang fleksibel. Sistem ini telah dikuatkuasakan pada 1 Mac 2012.

**Majlis Bersama Jabatan**

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MyIPO adalah satu medium perantaraan antara pihak pengurusan dan pekerja. Ia berperanan dalam menjaga kepentingan pekerja serta mengatasi permasalahan yang dihadapi melalui forum perbincangan. Sepanjang 2012, MBJ telah bersidang sebanyak empat kali dan antara pencapaian MBJ adalah pengenalan Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI).

***HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT***

*Efficient administration and human resources development is a key factor in achieving MyIPO's vision to implement MyIPO's mission. MyIPO strives to provide effective infrastructure and approach to refine its human capital to be more knowledgeable, excellent and competitive.*

*In 2012, 61 new staff was recruited to fill various positions in light of the recent organizational restructuring, bringing the total number of staff to 426.*

***Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI)***

*Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI) was introduced to replace Sistem Saraan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (SSPHIM/SSMyIPO). This system offers a more competitive and flexible service scheme. This system has been enforced on 1 March 2012.*

***Joint Department Council***

*MyIPO Joint Department Council (MBJ) is a medium between the management and the staff. It functions to safeguard the employee's needs and to overcome any issues through discussions. Throughout 2012, the MBJ has met four times and among its achievements was the introduction of Sistem Saraan Harta Intelek (SSHI).*





**Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan pengiktirafan dan juga sebagai salah satu kaedah galakan ke arah kemantapan produktiviti dan kualiti perkhidmatan oleh warga kerja MyIPO. Pada 2012, seramai 27 warga kerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

***Excellent Service Award***

*Excellent Service Award is a recognition and encouragement towards strengthening the productivity and service quality of MyIPO staff. In 2012, 27 staff received Excellent Service Awards.*

**Perhimpunan Bulanan**

MyIPO telah mengadakan sembilan sesi perhimpunan bulanan sepanjang tahun 2012. Perhimpunan bulanan MyIPO diadakan sebagai satu platform komunikasi dalam berkongsi isu dan perkembangan semasa bersama warga kerja.

***Monthly Assembly***

*MyIPO has organized nine sessions of monthly assembly throughout 2012. It is a communication platform to share the current developments and issues with the staff.*

**Dana Pembiayaan Pendidikan MyIPO**

MyIPO telah memperkenalkan Dana Pembiayaan Pendidikan MyIPO pada 3 April 2012. Dana ini bertujuan menggalakkan warga kerja MyIPO untuk menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya dapat menyumbang kepakaran kepada organisasi.

***MyIPO Education Fund***

*MyIPO has introduced an Education Fund on 3 April 2012. The fund aims to encourage MyIPO staff to pursue their education to a higher level and thus, contribute their expertise to the organisation.*







## PENGURUSAN PENTADBIRAN

### Keselamatan Pejabat

MyIPO sentiasa menjalankan usaha secara berterusan dalam memastikan keselamatan pejabat. Seminar Kesedaran Keselamatan Kebakaran kepada Warden MyIPO oleh Pusat Pencegahan Kebakaran dan Taklimat Akta Rahsia Rasmi oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dianjurkan. Pengenalan kepada sistem giliran petugas keselamatan di setiap aras Pejabat MyIPO juga telah dilaksanakan dengan penglibatan seluruh warga kerja.

### Pelupusan Fail

Pada 2012, sebanyak 2,400 fail telah dihantar ke Arkib Negara bagi tujuan pelupusan. Pelupusan ini dijalankan ke atas fail-fail permohonan Paten yang telah digugurkan.

### Pengurusan Aset Dan Inventori

Aset dan Inventori MyIPO telah direkod dan dikemaskinikan di dalam sistem MyAsset. Sepanjang 2012, pelupusan aset telah dilakukan dan kutipan sebanyak RM54,700.10 berjaya dikumpul.

## *ADMINISTRATION MANAGEMENT*

### *Office Security*

*MyIPO has always emphasized to continuously ensuring the office security. A seminar on Fire Safety Awareness for MyIPO Wardens by the Fire Prevention Center, and a briefing on Official Secrets Act by the Malaysian Government Security Office of Prime Minister's Office (PMO) have been organized. Introduction of a rotation system for security personnel at each level of MyIPO main office has also been implemented with the participation of all staff.*

### *Files Disposal*

*In 2012, of 2,400 files were sent to the National Archives for disposal. The disposal is carried out for withdrawn files of patent applications.*

### *Assets and Inventory Management*

*MyIPO's assets and inventory were recorded and updated in the MyAsset system. Throughout 2012, the disposal of assets was done and proceeds of RM54,700.10 were collected.*

**KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MyIPO**

Pada 2012, Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO telah menganjurkan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi seperti di Jadual 1.

***SPORTS AND WELFARE CLUB***

*In 2012, MyIPO's Sports and Welfare Club organised various sports and recreational activities as shown in Table 1.*

**Jadual 1 : Aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan MyIPO 2012**

***Table 1 : 2012 MyIPO's Sports and Welfare Club Activities***

| Bil. *No.* | Program *Programme* | Tarikh *Date* | Tempat *Venue* |
|---|---|---|---|
| 1 | Kelas Pengajian Al-Quran | Setiap Selasa | MyIPO |
| 2 | Kelas Asas Al-Quran | Setiap Rabu | MyIPO |
| 3 | Kuliah Khas Muslimat | Setiap Jumaat | MyIPO |
| 4 | Kelas Senamrobik | Setiap Jumaat | MyIPO |
| 5 | Kelas Agama | Setiap Minggu | MyIPO |
| 6 | Jualan Buku Amal | Mengikut Keperluan | MyIPO |
| 7 | Sumbangan Kepada Ahli Kelab (Rawatan Hospital, Pendidikan, Khairat Kematian, Ihsan Dan Penghargaan) | Mengikut Keperluan | MyIPO |
| 8 | Sumbangan Derma | Mengikut Keperluan | MyIPO |
| 9 | Program Tadarus Al-Quran | Bulan Ramadhan | MyIPO |
| 10 | Pertandingan Bowling Tertutup MyIPO | 28 Feb | Kuala Lumpur |
| 11 | Mendaki Gunung Datuk | 20 Mei | Rembau, Negeri Sembilan |
| 12 | Program Israk Wal Mikraj | 19 Jun | MyIPO |
| 13 | Karnival Sukan KPDNKK Dan Agensi 2012 | 16-24 Jun | Kuala Lumpur |
| 14 | Kursus Membuat *Cupcake* Dan *Cookies* | 30 Jun | Kolej Komuniti Selayang |
| 15 | Majlis Bacaan Yaasin Dan Solat Hajat | 19 Jul | MyIPO |
| 16 | Majlis Khatam Al-Quran | 14 Ogos | MyIPO |
| 17 | Kejohanan Futsal MAKSWIP 2012 | 28-30 Sep | Kuala Lumpur |
| 18 | Mendaki Gunung Irau | 12-14 Okt | Cameron Highland, Pahang |
| 19 | Pertandingan Futsal Tertutup MyIPO | 3 Nov | Kuala Lumpur |
| 20 | Program Derma Darah Dengan Kerjasama Pusat Darah Negara | 22 Nov | MyIPO |
| 21 | Kembara ATV (*All-Terrain Vehicle*) | 25 Dis | Kemensah, Selangor |

## PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT

### Sistem Pemberitahuan Hakcipta Secara Sukarela

Selaras dengan pindaan terhadap Rang Undang-Undang Hakcipta 1987, MyIPO telah mengadakan inisiatif bagi meningkatkan sistem penyampaian dengan membangunkan Sistem Pemberitahuan Hak Cipta Secara Sukarela. Pembangunan sistem ini bermula pada Oktober 2011 dan selesai pada Disember 2012.

Sistem ini menjadi teras utama dalam pengendalian dan pengurusan maklumat berkaitan pendaftaran hak cipta merangkumi prosedur seperti yang berikut:

- Penerimaan dan pemfailan permohonan pendaftaran hak cipta;
- Pengurusan pendepositan karya;
- Pemeriksaan formaliti dan pemprosesan permohonan;
- Pengeluaran sijil pemberitahuan;
- Proses-proses selepas pendaftaran; dan
- Carian maklumat hak cipta.

### Sistem Jurnal Rasmi Harta Intelek

Sistem Jurnal Rasmi Harta Intelek merupakan portal yang menyediakan maklumat pengiklanan dan penerbitan berkenaan Paten, Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian dan Petunjuk Geografi. Sistem ini telah dibuka kepada pengguna bagi tujuan percubaan bermula pada 4 Jun 2012 untuk membuat carian dan melihat senarai permohonan yang telah diwartakan. Seramai 5,204 pengunjung telah mengakses sistem ini sepanjang Jun sehingga Disember 2012.

## *INFORMATION TECHNOLOGY INFRASTRUCTURE ENHANCEMENT*

### *Copyright Voluntary Notification System*

*In line with the amendment bill of the Copyright Act 1987, MyIPO has taken an initiative to improve the delivery system by developing the Copyright Voluntary Notification System. The system development began in October 2011 and it was completed in December 2012.*

*This system is a focal point in the operation and management of information concerning copyright registration which cover the procedures as follows:*

- *Receiving and filing of copyright application for registration;*
- *Works deposit management;*
- *Formality examination and applications processing;*
- *Issuance of copyright notification certificate;*
- *Post-registration processes; and*
- *Copyright information search.*

### *IP Official Journal System*

*IP Official Journal System is a portal that provides information on advertisements and publications of Patents, Trade Marks, Industrial Designs and Geographical Indications. The system was made available to users for trial starting 4 June 2012 to search and view lists of gazetted applications. There are a total of 5,204 visitors who accessed the system from June to December 2012.*



**Pelan Strategik ICT (PSICT)**

Pelan Strategik ICT (PSCIT) Perbadanan Harta Intelek Malaysia merupakan dokumen yang membentangkan peranan strategik ICT. Ianya menyokong fungsi-fungsi MyIPO sebagai sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengurus pendaftaran harta intelek di Malaysia. Dokumen PSICT ini merupakan pelan tindakan bagi pelaksanaan program-program ICT yang telah dirangka bagi tempoh lima tahun (2013-2017).

Empat teras strategik yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- Teras 1 : Pengukuhan Aplikasi Secara Bersepadu dan Efektif
- Teras 2 : Pemantapan Infrastruktur ICT Secara Komprehensif dan Efektif
- Teras 3 : Pengukuhan Pembudayaan ICT Secara Holistik
- Teras 4 : Pemantapan Tadbir Urus ICT

Pelaksanaan program-program ICT ini dijangka dapat memberi impak lebih besar pada aspek penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kecekapan organisasi secara menyeluruh serta memenuhi kehendak klien dan *stakeholders*.

***ICT Strategic Plan (ISP)***

*ICT Strategic Plan (ISP) for Intellectual Property Corporation of Malaysia is a document which underlined the strategic roles of ICT. It will support the functions of MyIPO as a government agency in managing IP registration in Malaysia. The ISP document is a blueprint for the implementation of ICT programmes that have been designed for a period of five years (2013-2017).*

*Four strategic thrusts that have been set are as follows:*

- *Thrust 1 : Strengthening Integrated and Effective Applications.*
- *Thrust 2 : Enhancing ICT Infrastructure in Comprehensive and Effective.*
- *Thrust 3 : Strengthening ICT Acculturation in Holistic*
- *Thrust 4 : Enhancing ICT Governance.*

*Implementation of ICT programmes is expected to give a greater impact on the aspects of service delivery and to improve overall organisational efficiency as well as to meet the needs of clients and stakeholders.*

# Pembudayaan Harta Intelek

## *Intellectual Property Acculturation*



# Pembudayaan Harta Intelek
# *Intellectual Property Acculturation*

